

TAKRIF

Penaggungan Kerja

Penaggungan Kerja bermaksud dimana seseorang pegawai diberi kelulusan menjalankan tugas dan tanggungjawab suatu jawatan lain yang sama, lebih tinggi atau lebih rendah tarafnya, disamping menjalankan tugas jawatannya sendiri.

Penaggungan Kerja tidak boleh dibuat bagi jawatan yang bertaraf sementara / kontrak.

Pemangkuan Kerja

Pemangkuan Kerja bermaksud kelulusan yang diberi kepada seseorang staf untuk menjalankan tugas-tugas jawatan dalam gred yang lebih tinggi daripada gred hakikinya secara sepenuh masa dalam skim perkhidmatan staf berkenaan dan melepaskan tugas jawatan hakikinya.

Pejabat Pendaftar
(BAHAGIAN PENGURUSAN MODAL INSAN)

Universiti Teknologi Malaysia
54100 Kuala Lumpur

Tel: 03-26154830
Fax: 03-26934344

Website : registrar.utm.my/kualalumpur/



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pejabat
Pendaftar
UTM
Kuala Lumpur

PENAGGUNGAN & PEMANGKUAN KERJA

inovatif · entrepreneurial · global

Pejabat Pendaftar

Bahagian Pengurusan Modal Insan

Penanggungungan Kerja

Pegawai Yang Boleh Dipertimbangkan Untuk Penanggungungan Kerja

- * Staf yang telah disahkan dalam perkhidmatan.
- * Jika belum disahkan mereka hendaklah telah berkhidmat sekurang-kurangnya setahun.
- * Jika diperlakukan itu staf sementara/kontrak hendaklah telah berkhidmat sekurang-kurangnya setahun, walau bagaimanapun, keutamaan perlu diberikan kepada staf tetap.

Peraturan & Prinsip Penanggungungan Kerja

- Penanggungungan kerja selama 28 hari berturut-turut termasuk hari cuti mingguan, kelepasan am dan juga cuti mingguan, kelepasan am dan juga cuti rehat atas sebab-sebab kecemasan serta cuti sakit secara terkumpul yang tidak melebihi daripada 6 hari bekerja adalah layak dibayar Elaun Penanggungungan Kerja.
- Seseorang staf yang sedang menanggung kerja satu jawatan apabila mengambil cuti atau meninggalkan jawatan yang ditanggung kerjanya itu selama 14 hari atau lebih berturut-turut, termasuk hari kelepasan am, maka pembayaran Elaun Penanggungungan Kerja hendaklah dihentikan bagi tempoh berkenaan.
- Seseorang staf yang pernah diluluskan menanggung kerja satu jawatan dan kemudiannya diluluskan menanggung kerja jawatan yang sama, boleh dibayar Elaun Penanggungungan Kerja sekiranya dia telah mengenakan tempoh selama tidak kurang daripada 14 hari berturut-turut termasuk hari kelepasan am kerana menjalankan tugas jawatan tersebut.
- Bagi penanggungungan kerja jawatan yang lebih rendah daripada taraf jawatan yang disandang oleh staf, Elaun Penanggungungan Kerja hanya layak dibayar sekiranya kedua-dua jawatan terlibat tidak mempunyai hubungan taraf tinggi rendah. Bagi maksud peraturan ini 'hubungan taraf tinggi rendah' ialah apabila didapati dua jawatan dalam satu susunan
- Kuasa yang berbeza tarafnya dan jawatan yang lebih rendah tarafnya itu bertanggungjawab kepada jawatan yang lebih tinggi. Oleh itu, staf di taraf yang lebih tinggi tidak boleh menanggung kerja jawatan di bawah kawalannya.
- Seseorang staf tidak dibenarkan mengganggu kerja lebih daripada satu jawatan pada masa yang sama.
- Bagi penanggungungan kerja jawatan yang diwujudkan secara Khas Untuk Penyandangan (KUP), pembayaran elaun penanggungungan kerja hendaklah didasakan samada pada gred hakiki jawatan KUP itu atau gred hakiki pegawai yang menyandang, mengikut mana yang lebih rendah.

Pemangkuan Kerja

Asas Pemangkuan Kerja

Sepertimana kenaikan pangkat, pemangkuan juga adalah berasaskan kepada kebolehan seseorang staf dan tertakluk kepada kekosongan jawatan.

Peraturan & Prinsip Pemangkuan Kerja

- Pemangkuan selama 28 hari berturut-turut termasuk hari cuti mingguan, kelepasan am dan juga cuti rehat atas sebab-sebab kecemasan serta cuti sakit secara terkumpul yang tidak melebihi daripada 6 hari bekerja adalah layak dibayar Elaun Pemangkuan.
- Seseorang staf yang telah memangku sesuatu jawatan bagi tempoh yang disyaratkan di perenggan (i) di atas dan kemudian meninggalkan jawatan yang dipangkunya selama 28 hari atau lebih berturut-turut, termasuk hari kelepasan am, maka staf berkenaan tidak layak dibayar Elaun Pemangkuan bagi tempoh berkenaan.
- Walau bagaimanapun, dalam keadaan berikut dan bagi tempoh yang tidak melebihi 92 hari berturut-turut termasuk hari kelepasan am, staf masih layak dibayar Elaun Pemangkuan iaitu :
 - Menghadiri kursus yang diarah oleh kerajaan;
 - Meninggalkan jawatan untuk menjalankan tugas rasmi lain atas arahan kerajaan; atau
 - Dibenarkan bercuti sakit yang disokong oleh sijil sakit.
- Elaun Pemangkuan hendaklah dikira semula pada tiap-tiap kali tarikh pergerakan gaji tahunan ataupun pada bila-bila masa gaji pegawai berkenaan berubah.
- Pemangkuan yang kurang dari 6 bulan bagi sesuatu jawatan tidaklah dibenarkan, kecuali bagi jawatan-jawatan yang tidak boleh ditanggung kerja.